

0359

U 8611
PARLIMEN - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PARA PEGAWAI KANAN JEPUN DIAMBIL MENGENDALIKAN PERUSAHAAN OTOMOBIL NASIONAL (PROTON) UNTUK MEMBANTU MELATIH PARA PEGAWAI TEMPATAN DALAM BIDANG PENGURUSAN.

PERDANA MENTERI BERKATA PENGAMBILAN TIGA PEGAWAI KANAN JEPUN ITU ADALAH UNTUK TEMPOR DUA TAHUN BERMULA 1 OKTOS LEPAS, DAN SELEPAS TEMPOR ITU JAJATAN BERKENAAN BOLEH DIAMBIL ALIH SEMULA.

+KITA TIDAK HARUS MERASA MALU AKAN KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN DAN ADALAH LEBIH BIJAK KITA MEMPELAJARI DARIPADA MEREKA YANG LEBIH TAHU,+ KATANYA KETIKA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN OLEH ENCIK ZUBIR EKSONG (BN-KUALA TERENGGANU) DI DEWAN RAKYAT HARI INI.

BELIAU MENYEBUT CONTOH SYARIKAT MALAYANATA YANG PADA 1976 MENCATATKAN KEUNTUNGAN KETIKA DIURUSKAN OLEH PARA PEGAWAI JEPUN, TETAPI SELEPAS DIAMBIL ALIH OLEH PENGURUSAN TEMPATAN, SYARIKAT ITU KERUGIAN LEBIH \$100 JUTA.

+KITA MENGAMBIL PENGURUS JEPUN UNTUK MENGENDALIKAN PROTON UNTUK MEMBODLEHKAN KITA MEMPELAJARI DARIPADA MEREKA KAEDAH PENGURUSAN DAN BUKANLAH BERNIAT UNTUK MENYERAHKAN SEMUA SYARIKAT KERAJAAN KEPADA JEPUN,+ KATA BELIAU. -- LAGI.

1630MST 11 10 88

0360

U 8612
PARLIMEN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

KETIKA MENJAWAB SOALAN ASAL OLEH DR TAN SENG SIAN (DAP-KEPONG), PERDANA MENTERI BERKATA PENGLIBATAN PARA PEGAWAI JEPUN DALAM PENGURUSAN PROTON BERMULA SEJAK PENUBUHANNYA LAGI DAN DENGAN PERLANTIKAN TIGA PEGAWAI KANAN JEPUN PADA 1 OKTOS LEPAS ITU, JUMLAHNYA BERTAMBAH LAGI.

BELIAU BERKATA KINI TERDAPAT 17 ORANG KAKITANGAN MITSUBISHI MOTORS CORPORATION (MMC) DAN MITSUBISHI CORPORATION OF JAPAN (MC) BAGI TEMPOR 1988/89 BERBANDING DENGAN 14 ORANG PADA 1987/88.

KATANYA, BILANGAN KAKITANGAN TEMPATAN DI SETIAP PERINGKAT PENGURUSAN PULA IALAH 123 ORANG YANG TERDIRI DARIPADA 21 ORANG (BAHAGIAN PERNIAGAAN), 83 ORANG (BAHAGIAN PERKILANGAN) DAN 19 ORANG (BAHAGIAN PENTADBIRAN).

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TIGA PEGAWAI KANAN JEPUN ITU DILANTIK SEBAGAI PENGARAH URUSAN DAN PENGURUS BESAR KORPORAT (PERNIAGAAN) YANG BERTUGAS BERSAMA TIGA PENGURUS BESAR TEMPATAN IAITU BAGI PENTADBIRAN, PERKILANGAN DAN PERNIAGAAN.

BELIAU BERKATA SEPERTI PENGURUSAN SYARIKAT-SYARIKAT LAIN, PIHAK PENGURUSAN HENTADBIR SYARIKAT BERLANDASKAN KEPADA DASAR-DASAR DAN GARIS PANDUAN YANG DITETAPKAN OLEH LEMBAGA PENGARAH DARIPADA SEMASA KE SEMASA. -- LAGI.

1632MST 11 10 88

0361

U 8613

PARLIMEN - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA BERKATA ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH PROTON YANG TERDIRI DARIPADA LAPAN ORANG YANG MENAKILI HICOM DAN EMPAT ORANG MENAKILI KMC/MC DIJANGKA TIDAK BERTAMBAH.

KETIKA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN ENCIK LEE LAH THYE (DAP- BUKIT BINTANG), PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TIDAK BERCADANG MEMBUHUKAN PASUKAN PETUGAS UNTUK MENGAJI OPERASI PROTON, KECUALI JAMATANKUASA PENGURUSAN PROTON SAHAJA.

BELIAU BERKATA JAMATANKUASA ITU YANG DIANGGOTAI OLEH PARA PEGAWAI TINGGI PROTON MENGAJI PENCAPAIAN PROTON.

SEMASA MENJAWAB SOALAN DATUK HJ ZAKARIA HAJI ABDUL RAHMAN (DEBAS-BESUT), YANG BERTANYA SAMPA ADA SYARIKAT MITSUBISHI ADA MENGELUARKAN KERETA YANG SAMPA SEPERTI PROTON, BELIAU BERKATA MITSUBISHI TIDAK MENGELUARKAN KERETA SEPERTI PROTON, TETAPI KERETA KELUARAN MITSUBISHI ADA BERNAGAH-MAGAH JENIS. -- BERHANA.

1654MST 11 10 88